

Undang2 moral: PM kata belum diteliti

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kerajaan akan membuat kajian terperinci sebelum mengambil sebarang keputusan mengenai undang-undang moral yang dicadangkan itu.

"Kita perlu menjalankan kajian yang teliti terlebih dahulu bagi memastikan sama ada undang-undang seumpama itu perlu dikuatkuasakan di negara ini," kata Perdana Menteri kepada Bernama.

Belliau menegaskan kajian teliti mengenai implikasi undang-undang itu mestilah dipastikan, terutama sekali kesannya terhadap rakyat.

"Ia bukanlah satu perkara yang dapat dilaksanakan sepintas lalu, dengan membuat satu pengumuman dan terus dilaksanakan satu undang-undang serta-merta tanpa menimbang kepentingan rakyat," tambah beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir Sabtu lalu mengumumkan Kerajaan sedang menimbang satu undang-undang seumpamanya.

Menimbang

Datuk Haji Mohamad Nasir yang mengetuai jawatankuasa khas menggubal undang-undang itu dipetik sebagai berkata bahawa apabila dilaksanakan undang-undang itu, bercumbuan di tempat sunyi juga akan menjadi satu kesalahan.

Mengulas perkara ini, Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan pengumuman itu terlalu awal dan menggesa orang ramai supaya tidak merasa bimbang.

Ditanya sama ada di bawah undang-undang itu merenung seorang wanita juga akan menjadi satu kesalahan, Perdana Menteri berkata, "Sebenarnya saya tidak tahu-menahu ini semua."

"Sekiranya benar, terpaksa kita menempatkan seorang anggota polis di samping setiap lelaki dan sekiranya orang berkenaan mengenyit mata atau merenung wanita, anggota polis itu boleh menangkapnya," tambahnya secara berseloroh.

"Ini tidak mungkin, ia bererti kita terpaksa mengambil lebih ramai anggota polis semata-mata untuk mengawasi lelaki merenung wanita," katanya. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
15
16
17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60
61
62
63
64
65
66
67
68
69
70
71
72
73
74
75
76
77
78
79
80
81
82
83
84
85
86
87
88
89
90
91
92
93
94
95
96
97
98
99
100